



KRITIKAN TERHADAP RASULULLAH DAN AL-QURAN: ANALISIS KARYA NON-MUSLIM ZAMAN UMAWIYYAH DAN ABBASIYYAH

Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zuhilmi Mohamed Nor, Amiruddin Mohd Sobali*

*Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Abstract

The contact between Muslim conquerors and the residents of subdued provinces created the grounds for each religious party to launch a defensive mode. Defending religion and its dignity could be considered as a legitimate task of each individual citizen. This phenomenon is well-recognised within the period of Umawiyah and Abbasiyyah. Each religious authority endeavoured to serve their religion in their own best interests. One of the earliest religious reactions records alarm at the advance of the Arabs and its religious motivation. This is engraved in the Greek apologetic work entitled *Doctrina Jacobi* in which the document did not avoid discussing the veracity of his prophethood. Thus the present study aims to explore the earliest non Muslim sources that produced critical theological discourse on Muhammad and the Quran. It will indeed employed a qualitative analysis in which descriptive approach and source-critical analysis will be utilised. The study in its finding argued that there are various patterns of criticism on Muhammad and the Quran that eventually form a concrete fundamental discourse for the later generation in their study on the Prophet and the Quran.

Keywords: Muhammad, the Quran, criticism, Umawiyah, Abbasiyyah

Abstrak

Pertembungan yang berlaku dalam perluasan empayar Islam dan penduduk wilayah yang dikuasai telah menghasilkan sifat ofensif dan difensif dalam mempertahankan agama setiap penganut. Mempertahankan identiti serta maruah agama dianggap sebagai sesuatu sifat yang dituntut ketika itu. Fenomena ini telah dikenalpasti berlaku pada zaman pemerintahan Umawiyah dan Abbasiyyah. Setiap kumpulan penganut agama dilihat berusaha untuk membentuk mekanisme pertahanan terbaik sebagai khidmat buat agama masing-masing. Salah satu karya yang dihasilkan dalam kerangka wacana sebegini adalah *Doctrina Jacobi*, yang ditulis di dalam bahasa Greek. Karya ini tidak terlepas dari melakukan kritikan terhadap Rasulullah dan al-Quran. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka karya-karya yang dihasilkan dalam menukilkan perbincangan teologi berhubung Rasulullah dan al-Quran. Kajian ini bersifat kualitatif di mana pendekatan diskriptif dan kritikan sumber karya akan digunakan sebagai medium analisis. Kajian ini melalui dapatannya mengesahkan bahawa terdapat beberapa corak kritikan yang dilakukan terhadap kenabian Rasulullah dan al-Quran yang kemudiannya menjadi kerangka asas bagi perbincangan yang berlaku dalam generasi kemudian.

Kata kunci: Muhammad, the Quran, kritikan, Umawiyah, Abbasiyyah

Article Progress

Received: 29 Mac 2017

Revised : 10 April 2017

Accepted: 6 June 2017

*Ahmad Sanusi Azmi, Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: sanusi@usim.edu.my

1. PENDAHULUAN: KRITIKAN ZAMAN QURAYSH

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa reaksi audiens pertama al-Qur'an sendiri telah menghasilkan tindak balas kritik terhadap kitab suci tersebut. Perkara ini direkodkan oleh al-Qur'an sendiri apabila Quraysh melemparkan tekanan intelektual dan fizikal terhadap Baginda Rasulullah. Fred Donner¹ memberikan beberapa contoh testimoni yang direkodkan oleh al-Qur'an sendiri antaranya adalah:

- a. Qurasyh bersifat skeptikal terhadap mesej al-Qur'an dengan mempertikai konsep 'eschatology' (kehidupan selepas mati/akhirat) yang ditegaskan oleh al-Qur'an. Sebagai contoh al-Qur'an sendiri merekodkan dialog keraguan Quraysh (dan kaum lain) terhadap konsep kehidupan akhirat selepas mati seperti ayat 23:82, 36:78, 37:53, 17:49, 56:47, 23:35 dan 17:98.
- b. Qurasyh menolak konsep 'mushrikin di tempatkan di neraka.' Konsep ini memberikan implikasi bahawa datuk moyang Quraysh yang mati dalam keadaan penyembah berhala akan dimasukkan ke neraka. Perkara ini adalah satu kejutan besar buat Qurasyh yang terkenal dengan sangat menjaga kedudukan keluarga mereka.² Al-Qur'an mendatangkan pelbagai contoh kesesatan kaum terdahulu kesan daripada mengikuti tradisi bapa-bapa mereka. Konsep ini dibawakan melalui kisah-kisah nabi terdahulu dan penekanannya pada zaman Quraysh. Sebagai contoh ayat 7:173, 43:21-24 dan 21:51-70.
- c. Claude Gilliot pula menyatakan bahawa Quraysh menuduh Baginda Rasulullah mempunyai 'informan' (16:103) (pemberi maklumat) yang memberikan idea kepada Baginda untuk mencipta atau mengarang al-Qur'an.³

Kritikan al-Qur'an terhadap sikap 'tidak acuh' (reluctance) Quraysh berkenaan komitmen sosial juga barangkali mengundang kepada tekanan dan kritikan

Qurasyh terhadap al-Qur'an. Sebagai contoh ayat 68:17-33 daripada al-Qur'an jelas mengkritik sikap Qurasyh yang bersifat enggan untuk mengeluarkan harta mereka untuk disumbangkan kepada golongan miskin di Mekah. Perbandingan yang dibawa oleh al-Qur'an di dalam ayat ini memberikan tamparan buat Qurasyh yang mengundang reaksi negative terhadap al-Qur'an.⁴

2. KRITIKAN DI ZAMAN UMAWIYYAH

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, kritikan yang berlaku dalam tempoh ini adalah sukar untuk dipastikan. Terdapat maklumat yang menyatakan bahawa di zaman pemerintahan Umar ibn al-Khattab, beliau telah melarang non Muslim dari mempelajari al-Qur'an.⁵ Barangkali sekatan yang menghalang non Muslim daripada mempelajari al-Qur'an ini telah menjadi satu norma yang diamalkan pada zaman Khalifah al-Rashidun hingga menjadi punca kurangnya karya yang ditulis oleh non Muslim berkenaan al-Qur'an pada zaman berkenaan hingga ke pemerintahan Umawiyah.

1. John of Damascus dan *De Haeresibus* (m. s.754)

Di penghujung pemerintahan Umawiyah (sekitar tahun 734 masihi), terdapat sebuah karya yang dihasilkan oleh non Muslim, yang secara jelas mengkritik al-Qur'an dan Rasulullah. John of Damascus di dalam karya beliau berjudul *Liber de haeresibus* telah menukilkan perbahasan tentang penyelewangan di dalam agama Kristian. Perbincangan tentang Islam dimuatkan di dalam bab yang ke 100/101, seolah menggambarkan status Islam sebagai salah sebuah agama yang menyeleweng. Di sinilah direkodkan persoalan serta kritikan beberapa perkara yang berkaitan tentang Islam.

Menurut Sahas, beliau adalah seorang yang mempunyai kedudukan di dalam pemerintahan Khilāfah Umawiyah. Keluarga beliau dikatakan sudah berkhidmat bersama dengan khalifah ketika

¹ Di samping memberikan contoh berkenaan penolakan Quraysh terhadap al-Quran, Donner juga menyatakan bahawa Qurasyh pada hakikatnya tidak terpesona (impressed) dengan gaya bahasa yang dipersembahkan oleh al-Quran. Idea ini bertentangan dengan konsep yang sering dinyatakan di dalam Ulum al-Quran bahawa Qurasyh tergamam, atau terpesona dengan lenggok serta laras bahasa al-Quran yang tinggi. Lihat, Fred Donner. The historical context, di dalam *The Cambridge Companion to the Quran*, ed. Jane McAuliffe, (Cambridge: Cambridge University Press, 2007) 43.

² Fred Donner, 'The historical context', di dalam *The Cambridge Companion to the Quran*, ed. Jane McAuliffe, (Cambridge: Cambridge University Press, 2007) 27.

³ Claude Gilliot, 'Creation of a fixed text', di dalam *The Cambridge Companion to the Quran*, ed. Jane McAuliffe, (Cambridge: Cambridge University Press, 2007) 43.

⁴ Lihat, Mustansir Mir, 'Language', *The Blackwell Companion to the Quran*, ed. Andrew Rippin, (Oxford: Blackwell Publishing, 2006) 105.

⁵ Bruce Masters, *Christians and Jews in the Ottoman Arab World: The Roots of Sectarianism*, (Cambridge: Cambridge University Press), p. 22.

kerajaan Islam mula menakluki Damshiq lagi.⁶ Malah beliau sendiri direkodkan sebagai pernah berkhidmat dengan Khalifah Abd al-Malik (685-705).

Reinhold F. Gleib, merasakan polisi baru yang diperkenalkan oleh 'Umar 'Abd al-'Azīz (r. 717-20) di dalam urusan pentadbiran menyebabkan John of Damascus meninggalkan karier beliau di dalam pentadbiran Muawiyah. 'Umar 'Abd al-'Azīz dikatakan melarang jawatan tertinggi di dalam istana dipegang oleh non Muslim. Sejak meninggalkan kedudukan beliau di dalam istana Khalifah, John of Damascus telah mengasingkan diri di biara Mār Saba berdekatan dengan Jerusalem (Baitul Maqdis) dan di sini lah beliau menghasilkan karya yang dilihat memberikan kritikan terhadap agama samawi ini.⁷

Beliau pada asalnya dikatakan menerbitkan karya berjudul *Pēgē gnōseōs* (Sumber Ilmu), sebuah penulisan yang membincangkan perbahasan teologi Kristian. Di dalam karya inilah terdapat satu bahagian yang dinamakan sebagai *de haeresibus* (berhubung penyelewengan agama atau *heresies*) yang dikatakan mengandungi kritikan terhadap al-Qur'ān dan Rasulullah. Antara kritikan yang dilontarkan oleh beliau adalah⁸:

- i. Rasulullah adalah seorang yang menyeleweng, yang terpengaruh dengan pendeta Arian (Arian monk). Rasulullah menurut beliau secara palsu mendakwa memiliki kitab yang diturunkan kepada beliau daripada langit.
- ii. Kenabian Rasulullah tidak pernah dikhabarkan oleh Nabi terdahulu. Rasulullah tidak mempunyai saksi yang boleh mengesahkan kenabian beliau bahkan John mendakwa Rasulullah menerima wahyu di dalam tidurnya.
- iii. John menolak dakwaan Muslim yang menyatakan bahawa Kristian telah menyekutukan Allah dengan menyembah salib dan Nabi Isa (cross and Jesus). John menyangkal dengan mendakwa bahawa Muslim juga menyekutukan Allah dengan menyembah Kaabah dan batu hitam (Hajarul Aswad).

⁶ D.J. Sahas, *John of Damascus on Islam. The "Heresy of the Ishmaelites,"* (Leiden: Brill, 1972), pp. 33-48.

⁷ Gleib, Reinhold F., "Johannes Damascenus", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 28 March. First published online: 2010

⁸ Gleib, Reinhold F., "Peri haireseōn", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas.; "Johannes Damascenus", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017.

- iv. John mengkritik undang-undang perkahwinan Islam (marriage Law) yang membolehkan seorang lelaki mempunyai empat isteri.
- v. John menyatakan kritikan keras beliau terhadap peribadi Rasulullah dengan menyifatkan Baginda sebagai seorang yang tidak bermoral. Ini adalah kesimpulan yang dihasilkan melalui kisah sirah perkahwinan Baginda dengan Zaynab bint Jahsh, isteri kepada anak angkat Baginda Zayd b. Hāritha.
- vi. Secara umumnya, John menganggap Islam adalah sebagai sebahagian daripada ajaran Kristian yang telah menyeleweng, yang mana Rasulullah menerima ajaran Kristian melalui pendeta Arian.

2. Surat Leo III (717-41) dan 'Umar b. 'Abd al-'Azīz (717-20)

Pada tahun 1985, sebanyak 155 manuskrip yang dijumpai di biara Saint Catherine, (yang terletak berdekatan Bukit Tursina, Mesir) telah direkodkan. Penemuan surat-balas antara Leo III Maharaja Byzantin dan 'Umar b. 'Abd al-'Azīz Khalifah Umawiyah, telah menjadi salah satu tarikan sarjana dalam kajian mereka berkenaan hubungan antara Muslim dan Kristian. Surat yang ditulis menggunakan khat antik *kūft-naskhī* ini memberikan petunjuk bahawa ianya telah dihasilkan pada lewat kurun ke sembilan.⁹ Melihat kepada penggunaan khat seperti ini, sarjana mencadangkan bahawa manuskrip yang dijumpai ini adalah versi salinan (iaitu bukan versi asal) daripada penulis, yang kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa Arab. Menurut Gerō surat ini pada asalnya ditulis di dalam bahasa Armenia manakala Mahé pula berpendapat ianya ditulis di dalam bahasa Greek. Perdebatan di antara dua pemerintah agung ini juga direkodkan di dalam sejarah Ghewond.¹⁰

Lembaran tujuh helai manuskrip ini secara umumnya merekodkan perdebatan antara Muslim dan Kristian berhubung doktrin Kristian. Antaranya adalah keadaan Adam yang dilihat berdosa dan dosanya dihapuskan melalui Jesus yang diberikan *incarnation* (*tajassud*-penurunan unsur ketuhanan dalam tubuh

⁹ N. Swanson, Mark, "The untitled text is in the form of a letter, and begins, after a Trinitarian invocation, 'Min Aliyūn malik al-Rūm ilā 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz, amīr al-mu'minīn: Salām',", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017, First published online: 2010.

¹⁰ Greenwood, Tim, "Correspondence between 'Umar II and Leo III", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017. First published online: 2010.

Jesus) dan hujah-hujah rasional bahawa Tuhan boleh berada di langit dan di dalam tubuh makhluk (ianya diumpamakan oleh Leo III seperti matahari yang dilangit yang membiaskan cahaya di bumi). Di dalam kedua-dua perkara ini, dua ayat al-Qur'an telah digunakan iaitu ayat 30 dari surah al-Baqarah dan ayat 171 dari surah al-Nisa. Leo III juga menurut Corrie Block menggunakan ayat 47 daripada surah Ali Imran untuk menunjukkan bahawa tiada apa yang menghalang sekiranya Tuhan berkehendak untuk menjelmakan ruhNya di dalam tubuh Jesus.¹¹ Berhubung penggunaan Salib dalam beribadah, Leo III menegaskan bahawa konsep yang sama digunakan oleh Muslim apabila mereka menjadikan Ka'bah sebagai medium untuk beribadah.¹²

Greenwood di dalam kajiannya tentang keaslian surat tersebut menukikan beberapa perbincangan yang memperlihatkan kritikan non Muslim terhadap al-Qur'an seperti, mereka percaya bahawa al-Qur'an adalah kitab yang dikarang oleh Saidina 'Umar ibn al-Khattāb, 'Alī Abū Talib and Salmān al-Fārisī.¹³ Corrie Block mendatangkan penjelasan yang lebih terperinci. Menurut beliau, pada hakikatnya, Leo III cuba untuk menafikan dakwaan Muslim yang mengatakan Bible telah mengalami penyelewengan (*tahrīf*). Pada Leo III, (i) sekiranya Tuhan tahu ianya (Bible) akan diseleweng kenapa Tuhan membiarkannya? (ii) sekiranya Tuhan ingin mendatangkan kebaikan hanya melalui seorang Nabi (Muhammad), mengapa Tuhan mengutuskan Nabi yang lain? Bahkan (iii) Leo III mendatangkan Bible dari dua belas versi yang berbeza dengan bahasa yang berbeza dan bertanya: "Bagaimana boleh berlaku penyelewengan kepada Bible yang dinukilkan dalam dua belas versi yang berbeza secara serentak?"

Bagi menyimpulkan hujah beliau, Leo III menegaskan bahawa sebenarnya yang menyeleweng baginya adalah al-Qur'an itu sendiri iaitu kitab yang dikarang oleh 'Umar ibn al-Khattāb, 'Alī Abū Talib and Salmān al-Fārisī.¹⁴

Selain itu Leo juga dilihat menafikan sifat al-Qur'an sebagai wahyu. Leo III mempersoalkan sekiranya al-Qur'an adalah wahyu, mengapa perluasan empayar Islam dipelopori dengan keganasan? Pada beliau ini bukanlah 'cara Tuhan' (*Way of God*).¹⁵

3. KRITIKAN ZAMAN ABBASIYYAH

Kritikan Pada Zaman Abbasiyyah

Keterbukaan kerajaan Abbasiyyah di dalam perbincangan ilmu dan agama dilihat menjadi sebahagian daripada punca kepada penghasilan karya-karya yang mengkritik al-Qur'an dan Rasulullah secara terang-terangan. Perkembangan empayar Islam di zaman Abbasiyyah yang mula memasuki bekas jajahan Rom dan Parsi juga adalah punca yang menyebabkan non Muslim tertarik untuk mengkaji tentang Islam. Antara karya yang dihasilkan di dalam tempoh ini adalah:

1. *Tafnīd al-Qur'an* oleh Abū Nūḥ al-Anbārī

Sekitar kurun ke 9 Masihi (3 Hijri), Abū Nūḥ al-Anbārī,¹⁶ seorang kristian Nestorian telah menulis karya berjudul *Tafnīd al-Qur'an* (Penolakan atau Sanggahan Terhadap al-Qur'an). Mark Swanson walaubagaimanapun menjelaskan bahawa, perincian mengenai kandungan karya ini tidak dapat dipastikan. Namun kewujudan karya ini direkodkan oleh Nisibis di dalam Catalogue of 'Abdīshū'.¹⁷

2. *Risālah 'Abd al-Masīḥ al-Kindī* (c. 820)

Kurun 9 Masihi (3 Hijri) sekali lagi menyaksikan terbitan karya yang secara jelas menyatakan kritikan penulis ke atas al-Qur'an dan Rasulullah. Karya yang dikenali dengan nama *Risālah 'Abd al-Masīḥ al-Kindī* ini dihasilkan dalam bentuk penulisan surat.¹⁸ Ianya mengadungi dua karakter berlainan agama yang saling berbalas surat. Kedua-dua karakter di dalam surat ini dikatakan hanyalah nama samaran (pseudonym) seolah pengarang sebenar karya tersebut ingin merahsiakan identiti beliau. Penulis surat yang pertama ditampilkan sebagai seorang Muslim, dengan nama samaran 'Abdullāh b. Ismā'īl al-Hāshimī.

¹¹ Block, Corrie, *Expanding the Quranic Bridge*, 104.

¹² *Ibid.*, 107.

¹³ Greenwood, Tim, "Correspondence between 'Umar II and Leo III", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017. First published online: 2010.

¹⁴ Block, Corrie, *Expanding the Quranic Bridge*, 114.

¹⁵ *Ibid.*, 154.

¹⁶ Beliau adalah Abū Nūḥ 'Abd al-Masīḥ ibn al-Ṣalt al-Anbārī, seorang setiausaha (katib/secretary) kepada gabenor Mosul, Mūsā ibn Muṣ'ab sekitar tahun 769. Pada tahun 780, beliau bersama Timothy I berkhidmat sebagai penterjemah karya Aristotle yang berjudul *Topics* atas arahan Khalifah al-Mahdī.

¹⁷ N. Swanson, Mark, "Tafnīd al-Qur'an", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017.

¹⁸ Troupeau, G., "al-Kindī, 'Abd al-Masīḥ", in *Encyclopaedia of Islam, Second Edition*, ed. P. Bearman, et. al. (Leiden: Brill, 2017); Bottini, Laura, "al-Kindī, 'Abd al-Masīḥ ibn Ishāq (pseudonym)", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017; Bottini, Laura, "Risālah 'Abdallāh ibn Ismā'īl al-Hāshimī ilā 'Abd al-Masīḥ ibn Ishāq al-Kindī yad'ūhu bihā ilā l-Islām wa-risālat al-Kindī ilā l-Hāshimī yaruddu bihā 'alayhi wa-yad'ūhu ilā l-Naṣrāniyya", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017.

Beliau telah menulis surat kepada rakannya yang beragama Kristian bernama 'Abd al-Masīh al-Kindī (juga nama samaran). Di dalam surat ini 'Abdullāh (si Muslim) mengajak 'Abd al-Masīh supaya memeluk Islam. Bagi membalas pelawaan 'Abdullāh, 'Abd al-Masīh menulis surat yang panjang, menjawab serta menimbulkan pelbagai kritikan serta keraguan beliau tentang al-Qur'ān dan Rasulullah.

Antara kritikan yang ditimbulkan oleh 'Abd al-Masīh adalah:

- i. Persoalan tentang keaslian al-Qur'ān (originality of the Qur'ān). 'Abd al-Masīh al-Kindī menegaskan bahawa menerusi penelitiannya terhadap kandungan al-Qur'ān, beliau menyimpulkan bahawa ajaran Kristian telah mempengaruhi sebahagian besar kandungan al-Qur'ān.
- ii. Seorang paderi Kristian yang bernama Sergius dinamakan sebagai sumber inspirasi Rasulullah untuk mengarang al-Qur'ān berdasarkan kerangka Gospel.
- iii. Setelah kematian Sergius, sahabat Nabi iaitu 'Abdallāh b. Salām and Ka'b al-Aḥbār pula dinamakan sebagai sumber Rasulullah untuk mengarang al-Qur'ān. Mereka berdua dikategorikan sebagai penyampai maklumat kepada Rasulullah kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang agama dan kitab Yahudi. 'Abdallāh b. Salām adalah yahudi dari Bani Qaynuqa¹⁹ manakala Ka'b al-Aḥbār pula adalah yahudi yang berasal dari Yaman.²⁰
- iv. Risālah Al-Kindī juga menyatakan kritikan keras terhadap peribadi Rasulullah. Beliau mempersembahkan Rasulullah sebagai seorang yang mempunyai nafsu yang tidak terkawal (sexually uncontrolled) melalui penafsiran beliau terhadap riwayat Sirah Nabawiyah berhubung perkahwinan Rasulullah dengan Zainab.²¹
- v. Di dalam karya ini, penulis mempersembahkan kajian beliau tentang Islam melalui tiga tema utama iaitu: perbincangan berkenaan Rasul, mesej yang dibawa serta penerimaan masyarakat tentang ajaran yang dibawa. Melalui hasil kajian beliau, penulis menyimpulkan bahawa

Rasulullah adalah seorang Nabi palsu. Kesimpulan ini adalah daripada penelitian beliau terhadap sifat Rasulullah yang dilihat sebagai ganas (violent) dan tidak bermoral tinggi (morally reprehensible).

- vi. Menurut penulis, al-Qur'ān bukan sahaja kitab palsu (false scripture) bahkan kitab perundangan yang diinspirasi oleh kejahatan (a law inspired by the devil).

Ketelitian maklumat yang terkandung di dalam Risalah ini menunjukkan bahawa pengarang mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan al-Qur'ān dan Sirah Nabawiyah. Namun, tarikh asal penghasilan karya ini dihasilkan telah menjadi perselisihan dikalangan pengkaji. Disebabkan kerana nama Khalifah al-Ma'mūn (198-218/813-33) dan Bābak al-Khurrāmī (204/819) disebut di dalam karya ini, W.Muir percaya bahawa ianya ditulis sekitar tahun 215/830. L. Massignon walaubagaimanapun mencadangkan bahawa surat ini ditulis lebih lewat lagi kerana nama al-Ṭabarī (w. 310/923) juga disebut di dalam surat ini.²² Apa pun, kedua-dua ini masih menunjukkan bahawa karya ini dihasilkan pada zaman Khilafah Abbasiyyah.

Karya yang ditulis oleh penulis dari timur dan di zaman pemerintahan ulung Islam ini, seolah mensasarkan penganut Kristian sebagai pembaca karya tersebut. Dengan menggunakan karakter yang samar, penulis kelihatan bimbang dengan ancaman yang boleh berlaku. Dari aspek kandungan karya ini, ketelitian sumber serta fakta yang sarat mengenai Islam dan Kristian menunjukkan penulis seorang yang mahir dalam dialog antara dua agama ini. Karya ini mendapat penerimaan yang meluas di kalangan pengkaji barat. Ianya telah mula diterjemahkan ke dalam bahasa latin sekitar tahun 1142-3 atas saranan Peter the Venerable (m. 1156). Dengan tajuk baru di dalam bahasa latin berjudul *Epistula saraceni et rescriptum christiani*, karya ini kemudiannya dimuatkan ke dalam 'Corpus Toletanum'. Corpus ini selama berkurun lamanya telah menjadi rujukan buat pengkaji dari eropah tentang Islam. Kandungan risalah al-Kindi ini telah diteliti beberapa pengkaji barat termasuklah Vincent of Beauvais (d. ca. 1264), Theodor Bibliander (yang menghasilkan edisi

¹⁹ Ibn Hajr, *al-Isaba fi Tamyiz al-Sahaba*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1415H), p.4/102.

²⁰ Al-Dhahabi, *Siyar A'lam al-Nubala*, (al-Qahira: Dar al-Hadith, 2006), 4/472; Ibn Hajr, *al-Isaba fi Tamyiz al-Sahaba*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1415H), p.5/481.

²¹ Bottini, Laura, "Risālat 'Abdallāh ibn Ismā'īl al-Hāshimī ilā 'Abd al-Masīh ibn Ishāq al-Kindī in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas.

²² Troupeau, G., "al-Kindī, 'Abd al-Masīh", in *Encyclopaedia of Islam, Second Edition*, ed. P. Bearman, et. al. (Leiden: Brill, 2017)

Qur'annya pada 1543), Dionysius Carthusianus, dan Nicholas of Cusa.

3. Perdebatan Timothy I (m. 823) dengan Khalifah al-Mahdī

Timothy (Ṭīmāte'ōs), adalah ketua paderi bagi gereja wilayah timur Syria (East-Syrian patriarch).²³ Beliau telah menghasilkan pelbagai karya samada dalam bentuk buku atau risalah kecil. Antara karya beliau yang masih wujud adalah sebuah buku (book of law) dan himpunan surat-surat. Surat ini menurut Heimgartner, memberikan gambaran bagaimana Timothy mengurus-tadbir perihal yang berkaitan dengan agama Kristian dan urusan gereja.

Surat 59 telah menarik perhatian penyelidik berkaitan hubungan antara Islam dan Kristian. Di dalam surat inilah direkodkan perdebatan antara Timothy dengan Khalifah al-Mahdī, yang mana ianya telah menjadi rujukan utama dalam perihal pertembungan agama Islam dan Kristian di zaman awal Islam. Perdebatan ini telah berlangsung selama dua hari di Baghdad pada tahun 782/83. Roggema melalui analisis beliau mendapati Timothy (sama seperti Theodore Bar Kōnī) menyifatkan Islam sebagai agama Yahudi yang baru (the new Jews)²⁴

Menurut Heimgartner, terdapat beberapa tema utama perdebatan mereka, termasuklah: perbincangan berhubung doktrin anak Tuhan (Son of God), isu Trinity dan kedudukan Muḥammad. Di dalam tema-tema ini terkandung juga perbincangan kecil seperti arah kiblat, keperluan (kepercayaan kepada) Salib, kematian Maryam dan persoalan berhubung Jesus.²⁵ Di dalam perdebatan inilah, direkodkan beberapa kritikan Timothy terhadap Rasulullah dan al-Qur'ān. Antaranya adalah:

- i. Perbincangan berhubung makna kalimah word al-Ṣamad di dalam surah al-Ikhlās.
- ii. Timothy tidak mengiktiraf Rasulullah sebagai seorang Nabi. Beliau walaubagaimanapun

meletakkan Rasulullah sebagai guru atau pendidik bagi bangsa Arab.

- iii. Timothy juga merasakan al-Qur'ān tidak memiliki ciri-ciri sebagai kitab yang diturunkan melalui wahyu. Beliau walaubagaimanapun mendapati terdapat beberapa ayat al-Qur'ān yang menyokong doktrin Trinity.
- iv. Disebabkan terdapat berapa ayat al-Qur'ān yang difahami beliau sebagai menyokong doktrin Trinity, beliau menyifatkan Rasulullah sebagai seorang ahli dalam bidang Trinity (a 'theologian' of the Trinity).
- v. Timothy menggunakan ayat 171 daripada surah Al-Nisa sebagai hujah yang mendakwa al-Qur'ān mengandungi atau menyokong doktrin Trinity. Di dalam ayat ini seorang direkodkan di dalam al-Qur'ān perkataan Holy Spirit and Word of God (*ruhullah wa kalimatuhu*) yang menurut Timothy (begitu juga dengan John of Damascus sebelum ini) mengandungi unsur-unsur doktrin Trinity di dalam al-Qur'ān.
- vi. Selain surah al-Nisa, David Thomas mendapati bahawa Timothy juga telah menggunakan ayat 17 daripada surah Maryam dan 91 daripada surah al-Anbiya sebagai bukti menunjukkan terdapat unsur doktrin Trinity di dalam al-Qur'ān.²⁶

4. Perdebatan Rahib Ibrāhīm al-Ṭabarānī (Abraham of Tiberias) di hadapan Gabenor 'Abd al-Raḥmān ibn 'Abd al-Malik ibn Ṣāliḥ al-Hāshimī²⁷

Menurut Swanson,²⁸ terdapat manuskrip yang merekodkan perdebatan yang berlaku di antara Ibrāhīm al-Ṭabarānī (seorang rahib kristian) dihadapan pemerintah Palestin ketika itu iaitu Al-Amīr 'Abd al-Raḥmān ibn 'Abd al-Malik ibn Ṣāliḥ al-Hāshimī. Perdebatan yang berlaku sekitar tahun 820 masihi itu turut disertai oleh beberapa pendebat Muslim yang lain termasuk al-Manẓūr ibn Ghaṭfān al-'Absī, al-Badwī al-Bāhilī dan al-Ḥāj al-Baṣrī.²⁹ Rekod

²³ Heimgartner, Martin, "Timothy (Ṭīmāte'ōs), East-Syrian patriarch", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010

²⁴ Roggema, Barbara, "To Sergius, Letter 40", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010

²⁵ Heimgartner, Martin, "Letter 59 (Disputation with the Caliph al-Mahdī); incipit of oldest manuscript: Tub dilēh kad dilēh d-mār Ṭīmāte'ōs qāṭōliqā drāshā da-'bad lwāt Mahdī 'amīrā da-mhaymānē b-sharbā d-haymānūtā da-krestyānūtā ba-znā d-shū'ālā wa-dpūnāy petgāmā", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010

²⁶ Thomas, David, "Trinity", in: *Encyclopaedia of the Qur'ān*, General Editor: Jane Dammen McAuliffe, Georgetown University, Washington DC. Consulted online on 28 March 2017.

²⁷ Topik perbincangan berkenaan perdebatan Ibrāhīm al-Ṭabarānī tentang perkara ketuhanan (theology) ini berlaku dihadapan pemerintah Islam yang berlaku sekitar 820 masihi ini. Perbincangan berhubung perkara ini diletakkan oleh Sidney Griffith berlaku selepas perdebatan Timothy I dan sebelum perbincangan tentang karya Theodore Abū Qurrah. Justeru penulis meletakkan perbincangan ini berdasarkan turutan yang disusun oleh Griffith memandangkan tarikh meninggal Ibrāhīm al-Ṭabarānī tidak diketahui.

²⁸ N. Swanson, Mark, "Unknown", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 13 April 2017.

²⁹ Rekod perdebatan tersebut juga boleh didapati secara maya di: <http://alkalema.net/gedal/index.html>

perdebatan yang berlaku di dalam bahasa arab ini telah menjadi perhatian sarjana Islam dan orientalis apabila mereka mengkaji dan menterjemah karya tersebut seperti yang dilakukan oleh Marcuzo dan Szilágyi.³⁰ Perdebatan yang panjang ini merangkumi perbincangan isu agama yang berlaku disekitar kurun ke 9 masihi termasuklah isu sifat agama yang benar, ketuhanan Isa serta keaslian al-Qur'ān.³¹

Perdebatan tersebut turut menyaksikan kemahiran si Rahib Ibrāhīm al-Ṭabarānī ini menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān sebagai hujah bagi mempertahankan agama Kristian. Dalam memperbahaskan tentang keaslian al-Qur'ān, Ibrāhīm telah menggunakan beberapa hujah untuk mengkritik al-Qur'ān. Hujah yang disampaikan adalah atas susunan seperti berikut:

- i. Pada mulanya Ibrāhīm menegaskan bahawa al-Qur'ān ini dipercayai oleh orang Islam telah di datangkan oleh Rasul mereka yang bernama Muḥammad. Beliau kemudian menggunakan riwayat atau pandangan syiah yang menyatakan bahawa pada hakikatnya, Jibrīl telah tersalah menurunkan wahyu. Pada asalnya Allah menginginkan wahyu disampaikan kepada 'Alī, tetapi atas kesilapan Jibrīl, ianya telah diwahyukan kepada Muḥammad. Ibrāhīm seolah ingin menggambarkan terdapat segelintir Muslim sendiri (ianya golongan syiah meragui keaslian al-Qur'ān).
- ii. Ibrāhīm al-Ṭabarānī kemudian mengesahkan bahawa al-Qur'ān telah ditulis oleh sahabat Rasulullah setelah kewafatan Baginda. Beliau menyebutkan nama penulis wahyu termasuklah Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī b Abī Ṭālib, 'Abdullah ibn 'Abbās dan Mu'āwiyah ibn Abū Sufyān. Selain sahabat Rasulullah, beliau turut mengungkapkan nama al-Ḥajjāj ibn Yūsuf sebagai mereka yang meneruskan proses penulisan wahyu. Setelah nama mereka disebut, beliau memulakan kritikan dengan menyatakan bahawa, dikalangan Muslim sendiri ada yang

mengkritik sosok tubuh penulis wahyu seperti yang disebutkan di atas.

Beliau menyebut bahawa ada dikalangan Muslim yang mencerca 'Alī dan Uthman di atas mimbar mereka, ada dikalangan Muslim yang mewajibkan hukum bunuh ke atas anak-anak al-'Abbās (seolah beliau memaksudkan Ibn 'Abbās), ada dikalangan Muslim yang mengiktiraf bahawa perbuatan melaknat Muwaiyyah akan beroleh pahala orang yang bersedeqah malah beliau menegaskan bahawa ramai dikalangan Muslim yang menganggap al-Ḥajjāj ibn Yūsuf adalah bakal penghuni neraka Jahanam. Celaan terhadap sosok tubuh penulis wahyu ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memberikan imej negatif terhadap penulis wahyu sekaligus memberikan kritikan secara tidak langsung tentang al-Qur'ān itu sendiri iaitu penulisnya adalah mereka yang bermasalah di sisi umat Islam.

5. Karya Theodore Abū Qurrah (m. 830)

Theodore Abū Qurrah hidup sebagai rahib di biara Mār Sābā, Palestin yang mana kemudiannya menjadi Biskop (Bishop)³² di Ḥarrān.³³ Griffith melihat beliau sebagai anak murid kepada John of Damascus.³⁴ Beliau adalah antara penganut Kristian yang terawal yang menulis tentang Islam. Terdapat 30 karya yang dihasilkan oleh beliau yang berkaitan persoalan dan kritikan tentang Islam dimana 16 daripada karya ini ditulis di dalam bahasa Arab manakala selebihnya adalah penulisan berbahasa Greek.³⁵ Karya ini dihasilkan sebagai rujukan bagi mempertahankan teologi Kristian.

Pada tahun 829, Khalifa al-Ma'mūn telah melancarkan kempen ketenteraan ke atas wilayah yang dikuasai oleh Byzantine. Apabila melalui Ḥarrān, Khalifah telah mengadakan pertemuan dengan Theodore Abū Qurrah. Di sinilah berlakunya perdebatan di antara Theodore dengan al-Ma'mūn dan wakil Muslim yang lain. Kisah ini direkodkan di dalam *Chronicon ad annum Christi 1234 pertinens* yang mana pada asalnya ianya direkodkan oleh Dionysius of Tell Mahrē (di dalam karyanya yang

³⁰ Lihat, Giacinto Bülus Marcuzo, *Le Dialogue d'Abraham de Tibériade avec 'Abd al-Rahmān al-Hāsimī à Jérusalem vers 820*, (France, 1986) dan Kristina Szilágyi, 'The Disputation of the monk Abraham of Tiberias', di dalam ed. S. Nobel dan A. Treiger, *The Orthodox Church in Arab World*, (Illinois, Northern Illinois University Press: 2014).

³¹ N. Swanson, Mark, "Mujādalat al-rāhib al-qiddīs Ibrāhīm al-Ṭabarānī ma'a l-amīr 'Abd al-Rahmān ibn 'Abd al-Malik ibn Šālih al-Hāshimī", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 13 April 2017.

³² A senior member of the Christian clergy, usually in charge of a diocese and empowered to confer holy orders, Oxford Dictionary. (<https://en.oxforddictionaries.com/definition/bishop>)

³³ Heimgartner, Martin (Halle), "Theodore Abū Qurra", in *Brill's New Pauly, Antiquity*, ed. Hubert Cancik, Helmuth Schneider. Consulted online on 24 March 2017.

³⁴ Sidney H. Griffith, *Arabic Christianity in the Monasteries of Ninth-Century Palestine*, Collected Studies Series, vol. CS380 (Brookfield, VT: Variorum, 1992), V, 56.

³⁵ Lamoreaux, John C., "Theodore Abū Qurra", in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 24 March 2017. First published online: 2010.

telah hilang).³⁶ Kisah ini juga direkodkan di dalam *Miṣbāḥ al-zulma wa-īdāḥ al-khidma* oleh Shams al-Ri'āsa Abū l-Barakāt Ibn Kabar (d. 1324).

Menurut Bertaina, sekalipun terdapat beberapa perbezaan dalam manuskrip yang merekodkan isikandung perdebatan ini, topik perbahasan yang dibincangkan adalah hampir sama iaitu merangkumi perkara-perkara seperti berikut: status 'divine' (kesucian) kalimah Allah (atau al-Qur'ān), perbezaan status Mukmin dan Muslim, wanita yang dijanjikan di dalam syurga, status Nabi Isa sebagai manusia dan Tuhan, identiti orang Musyrik di dalam al-Qur'ān, kritikan ke atas Kristian di dalam al-Qur'ān, keadaan Nabi Isa sebagai ruh dan kalimah Allah dan beberapa isu akidah yang lain. Menurut Abū Qurrah, pada hakikatnya Muslim tidak memahami atau telah menafsirkan secara salah berhubung isu Nabi Isa sebagai ruh dan kalimah Allah.

(i) Penggunaan al-Qur'ān di dalam Karya Theodore Abū Qurrah

Di dalam karya yang dihasilkan oleh Theodore Abū Qurrah, serta rekod perdebatan yang berlaku di hadapan al-Ma'mūn, terdapat penggunaan ayat al-Qur'ān, atau istilah yang mirip dengan bahasa al-Qur'ān digunakan oleh Theodore. Lamoreaux melalui analisis beliau mendapati Theodore adalah sorang yang halus dan teliti dalam menyampaikan mesej. Karya beliau di dalam bahasa Arab tidak pernah menyebut perkataan Islam atau Muslim. Apabila menunjukan sesuatu perkara tentang Islam atau Muslim beliau akan menggunakan istilah "mereka yang mengakui percaya" atau "mereka yang mengakui percaya memiliki kitab yang diturunkan oleh Tuhan"³⁷ Karya beliau di dalam bahasa Greek juga menunjukkan metode penulisan yang hampir sama. Beliau menggunakan lafaz 'orang Saracen, orang Hagarenes, atau orang Arab' apabila menyebut tentang Islam atau Muslim. Kaedah ini secara tidak langsung menggambarkan sifat beliau yang samada tidak mengiktiraf langsung Islam atau perkataan Islam masih tidak popular seperti yang dicadangkan oleh Donner.

Begitu juga dengan penggunaan ayat-ayat al-Qur'ān. Perkataan yang digunakan oleh Theodore kelihatan

lain seperti al-Qur'ān yang telah ada sekarang. Marc Swanson mendapati, Theodore terkadang mengubah atau menggunakan lafaz yang sangat halus sehingga mereka yang tidak biasa dengan al-Qur'ān akan merasakan bahawa topik perbahasan tersebut barangkali bukan dari al-Qur'ān.³⁸ Melihat kepada kepelbagaian lafaz al-Qur'ān di dalam teks penulis Kristian yang terawal (termasuklah karya Theodore Abū Qurrah), Swanson, sehingga satu tahap, merasakan merasakan seolah al-Qur'ān yang ada di zaman tersebut masih belum 'final', iaitu al-Qur'ān lagi berada di dalam versi yang belum selesai dijalankan 'proofreading'.³⁹

Sebagai contoh, Corrie Block menukikan ayat daripada Sūrah al-Ikhlāṣ sebagai bukti pengubahsuaian bahasa, atau lafaz yang digunakan oleh Theodore apabila beliau menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān. Di dalam mengkritik penafsiran Ibn 'Abbās, Theodore menukikan ayat al-Qur'ān yang diterjemahkan (ke dalam bahasa Inggeris) sebagai "God is one, *barren-built*, who did not beget and was not begotten, who has no partner." Melihat kepada nukilan ini, Lamoreaux mendapati bahawa perkataan *steiropēktos* yang diterjemah ke dalam bahasa Inggeris sebagai 'barren-built' (tandus) adalah perkataan gentian kepada 'al-Ṣamad.' Perkataan ini digantikan oleh Theodore menunjukkan penafsiran beliau terhadap perkataan tersebut adalah menyimpang daripada penafsiran yang digunakan oleh kaum Muslimin.⁴⁰

Theodore juga dilihat menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān sebagai hujah bagi menunjukkan kelemahan konsep akidah Islam. Sebagai contoh, beliau mendatangkan ayat-ayat yang menunjukkan bahawa Allah memiliki muka dan tangan (Q10:3; 3:73; 30:38). Bahkan beliau menggunakan ayat al-Qur'ān untuk menguatkan hujah teologi Kristian. Sebagai contoh, keharusan menyembah Jesus disokong dengan ayat seperti Allah memerintahkan malaikat supaya sujud (seperti) menyembah Adam seperti yang diwahyukan di dalam ayat 34 daripada Surah al-Baqara. Beliau juga menggunakan ayat 100 daripada

³⁶ Bertaina, David, "Mujādalat Abī Qurra ma'a l-mutakallimīn al-muslimīn fī majlis al-khalīfa l-Ma'mūn", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 24 March 2017. First published online: 2010

³⁷ Istilah ini diterjemahkan sebagai "those who lay claim to faith" or "those who claim to have a book sent down by God" oleh Lamoreaux.

³⁸ Swanson, Marc "Apologetics, Catechesis, and the Question of Audience in On the Triune Nature of God (Sinai Arabic 154) and Three Treatises of Theodore Abu Qurrah," in Martin Tamcke, ed., *Christians and Muslims in*

Dialogue in the Islamic Orient of the Middle Ages, Beirut: Texte und Studien 117 (Beirut, 2007), 118-123.

³⁹ Swanson, Marc, Beyond Proof-texting: Approaches To The Quinan In Some Early Arabic Christian Apologies, *The Muslim World*, Vol. LXXXVIII, No. 3-4 July-October, 1998, 297-319.

⁴⁰ Corrie Block, Expanding the Qur'anic Bridge: Historical and Modern Interpretations of the Qur'an in Christian-Muslim Dialogue with Special Attention Paid to Ecumenical Trends, PhD Thesis, (Exeter: University of Exeter, 2011), 75.

Surah Yusuf untuk membuktikan bahawa sujud bukan bermaksud menyembah tetapi menghormati.

6. Karya Abū Rā'īta al-Takrītī (m. 830)

Ḥabīb ibn Khidma Abū Rā'īta l-Takrītī adalah seorang penganut Kristian yang tinggal di Takrīt, yang terletak di utara Baghdad.⁴¹ Beliau adalah antara penganut Kristian yang terawal yang mula rasa tergugat dengan pentadbiran Abbasiyyah di Iraq. Abū Rā'īta juga adalah antara Kristian yang awal menulis karya yang bersifat *apologetic* bagi tujuan mempertahankan Kristian dan mengelakkan lebih ramai penganut Kristian daripada memeluk Islam. Perkara-perkara yang jelas bersifat mempertahankan agama Kristian jelas kedapatan di dalam karya beliau seperti; *Risāla li-Abī Rā'īta l-Takrītī fī ithbāt dīn al-naṣrāniyya wa-ithbāt al-Thālūth al-muqaddas* (Risalah Abū Rā'īta berkenaan perkara membenarkan agama Kristian dan konsep Trinity)⁴² dan *al-Risāla l-thāniya li-Abī Rā'īta l-Takrītī fī l-tajassud* (Risalah kedua oleh berhubung perkara *tajassud* (incarnation)). Di dalam penulisan beliau, Abū Rā'īta menjalankan beberapa analisis kritikal terhadap kandungan al-Qur'ān. Antaranya beliau mendakwa bahawa Tuhan di dalam al-Qur'ān bersifat ragu-ragu. Ini adalah kerana terdapat beberapa ayat di dalam al-Qur'ān yang menunjukkan kalam Tuhan itu seperti bersifat dengan demikian. Beliau memetik ayat 44 dari Surah Taha, ayat ke 7 dari surah al-Mumtahanah dan ayat 116 daripada surah al-Maidah. Kesemua ayat yang dikemukakan mempunyai perkataan yang mempunyai elemen keraguan seolah Tuhan itu tidak pasti. Antaranya perkataan *la'allahu* (mudah-mudahan dia) atau *'asa'* (mudah-mudahan), seolah menampakkan Tuhan berucap dalam keadaan yang tidak pasti.⁴³

7. Karya 'Ammār al-Baṣrī (fl. c. 236/850)

'Ammār al-Baṣrī adalah antara penganut Kristian Nestorian yang hidup ketika pemerintahan Abbasiyyah. Beliau aktif menulis karya berkaitan Kristian bagi mempertahankan doktrin-doktrin agama tersebut. Dua daripada karya beliau telah menjadi bahan kajian sarjana moden iaitu: *Kitāb al-burhān* (Buku berkaitan hujah-hujah) dan *Kitāb al-masā'il wa-l-ajwiba* (Buku berhubung persoalan dan jawapan). Menurut Griffith, *Kitāb al-masā'il wa-l-*

ajwiba adalah karya yang dikarang sebagai respon kepada persoalan yang ditimbulkan oleh sarjana terkemuka Muktaẓilah pada zaman Abbasiyyah iaitu Abū al-Hudhayl al-'Allāf (m.s. 227/842).⁴⁴ Menurut Ibn al-Nadīm (d. 385/995), Abū al-Hudhayl telah mengarang satu karya khas bagi menjawab persoalan dan kritikan yang dikemukakan oleh 'Ammār al-Baṣrī.⁴⁵

Kedua-dua karya di atas telah membincangkan serta mempertahankan pegangan Kristian. Antara skop yang menjadi ruang perbincangan adalah isu kewujudan Tuhan, agama yang benar (serta kenabian Muhamad), kebenaran agama Kristian, konsep tahrif (penyelewengan kitab), Trinity serta Incarnation (*tajsid*) dan isu penyaliban Jesus (crucifixion). Di dalam karya beliau, terdapat beberapa kritikan yang diutarakan terhadap Islam, al-Qur'ān dan Rasulullah. Antaranya adalah⁴⁶:

(i) Dalam mempertahankan penggunaan Salib sebagai medium atau instrument ibadah bagi penganut Kristian, 'Ammār al-Baṣrī mengkritik amalan Muslim yang menjadikan hajarul aswad sebagai medium atau instrument dalam ibadah haji.

(ii) Di dalam karya beliau *Kitāb al-masā'il wa-l-ajwiba*, 'Ammār al-Baṣrī membuat pembaharuan dengan menyenaraikan enam ciri yang menunjukkan sesuatu kitab itu adalah kitab yang palsu, yang bukan diturunkan oleh Tuhan iaitu: (1) kitab itu mengharuskan apa yang telah dilarang oleh Tuhan, (2) kitab tersebut memaksa manusia menerimanya dengan ancaman pedang, (3) kitab tersebut menerima motivasi dari pengaruh kewangan, (4) kitab tersebut (atau penganutnya) percaya hasil dari kesetiaan sesuatu bangsa, (5) kepercayaan kepada kitab tersebut dipengaruhi kuasa luar biasa dan (6) kitab tersebut dipromosikan oleh kerajaan pemerintah yang menyebabkan ianya diterima.⁴⁷ Keenam-enam ciri ini seolah ditujukan kepada al-Qur'ān yang secara tidak langsung menggambarkan ianya adalah bukan kitab yang diturunkan Allah.

(iii) Dalam isu *tahrif* (penyelewengan) 'Ammār al-Baṣrī menganggap al-Qur'ān adalah kitab yang telah menyeleweng. Ini adalah kerana beliau melihat ajaran

⁴¹ Toenies Keating, S., "Ḥabīb ibn Khidma Abū Rā'īta l-Takrītī", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017 First published online: 2010.

⁴² Toenies Keating, S., "Risāla li-Abī Rā'īta l-Takrītī fī ithbāt dīn al-naṣrāniyya wa-ithbāt al-Thālūth al-muqaddas", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010.

⁴³ Corrie Block, *Expanding the Quranic Bridge*, 117.

⁴⁴ Griffith, Sidney H., "'Ammār al-Baṣrī", in *Encyclopaedia of Islam, THREE*, ed. Kate Fleet, et. al., Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2009.

⁴⁵ Beaumont, Mark, "'Ammār al-Baṣrī", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010

⁴⁶ Corrie Block, *Expanding Quranic Bridge*, 109, 118, 140.

⁴⁷ David Thomas, *The Bible in Arab Christianity*, 251.

Kristian telah lama memperkenalkan konsep ‘anak Tuhan’ (Son of God). Apabila al-Qur’ān datang menafikan konsep ini, beliau menegaskan bahasa al-Qur’ānlah yang telah menyeleweng kerana ajaran yang sebenar datang dari Kristian. Islam menurut beliau, datang membawa penyelewengan. Beliau menggunakan ayat 19:90-91; 5:18 dan 17:85 yang menafikan konsep ‘anak Tuhan’ sebagai satu penyelewengan yang terkandung dalam al-Qur’ān.

(iv) ‘Ammār al-Baṣrī mengkritik Rasulullah sebagai seorang Nabi yang tidak didatangkan dengan mukjizat (miracle). Seorang Nabi seharusnya dipersiapkan dengan mukjizat oleh Tuhan. Menggunakan ayat 59 dari surah al-Isra dan ayat 109 dari surah al-An’am, ‘Ammār menegaskan bahawa Rasulullah adalah seorang Nabi yang tidak dikurniakan mukjizat sekaligus menggambarkan kepalsuan sifat kenabian Baginda.

8. Karya Eulógio of Córdoba (m. 859) (Eulogius of Cordova)

Eulógio adalah seorang paderi di Cordova ketika zaman pemerintahan Islam. Ketika Cordova dikuasai oleh Islam, ramai penganut Kristian telah dikenakan hukuman bunuh yang mana kebanyakan puncanya adalah kerana menyakiti Islam dan Nabi Muḥammad (insulting Islam and the Prophet) disamping menimbulkan provokasi terhadap Islam.⁴⁸ Menurut Tolan seramai 49 pejuang Kristian telah terkorban kerana hukuman yang dijalankan. Tindakan agresif gerakan pejuang Kristian (martyr) ini telah menyebabkan pemerintah Islam di Cordova ketika itu iaitu Abd al-Raḥmān II and Muḥammad I mengenakan tindakan keras terhadap mereka. Kesannya, komuniti Kristian sendiri berasa tidak selesa dengan kumpulan pejuang mereka. Komuniti Kristian ini memandang kumpulan perjuang Kristian ini sebagai terlalu fanatik dan menimbulkan masalah. Melihatkan kepada reaksi negatif penganut Kristian terhadap pejuang Kristian sendiri, Eulógio telah mengarang satu karya untuk mengangkat pejuang-pejuang Kristian ini sebagai *saint* (wali) yang layak untuk dipuja (worthy of veneration). Beliau telah menulis karya berjudul *Liber apologeticus martyrum* (Buku dalam Mempertahankan Pejuang (*Martyrs*)).

⁴⁸ Tolan, John, “Eulogius of Cordova = Eulógio of Córdoba = Eulógio of Toledo”, in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017; Tolan, John, “Liber apologeticus martyrum”, in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017; Tolan, John, “Istoria de Mahomet”, in: *Christian-Muslim Relations 600-1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 23 March 2017.

⁴⁹ Rigo, Antonio, “Nicetas Byzantios, Nicetas of Byzantium,” in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017; Rigo, Antonio, “Nikēta Byzantinou philosophou programma

Di samping mempertahankan kedudukan pejuang Kristian, Eulógio telah memuatkan satu karya berjudul *Istoria de Mahomet* (Sejarah Kehidupan Muḥammad) yang mana di sinilah kritikan terhadap al-Qur’ān dan Rasulullah direkodkan. Antara kritikan yang dilontarkan oleh Eulógio terhadap al-Qur’ān dan Rasulullah ialah:

- i. Beliau menggunakan ayat 37 daripada surah al-Ahzab untuk mengkritik Rasulullah dengan menyatakan bahawa Rasulullah adalah seorang yang tidak bermoral. Jika diteliti, hujah yang digunakan oleh Eulógio ini adalah sama dengan apa yang telah ditulis oleh ‘Abd al-Masīḥ al-Kindī dan John of Damascus.
- ii. Beliau menggambarkan perkahwinan Nabi dengan Khadijah adalah kerana kepentingan harta.
- iii. Dan beliau melihat wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah hanyalah dakwaan yang dibuat oleh Rasulullah sendiri.

9. Karya Nikēta Byzantinou (m. 886) (Niketas of Byzantium)

Karya yang dihasilkan di dalam bahasa Greek ini adalah antara penulisan yang terawal dihasilkan oleh pengkaji dibawah pemerintahan Byzantine.⁴⁹ Karya yang berjudul *Anatropē tēs para tou Arabos Mōamet plastographētheisēs biblou* (Penolakan terhadap buku yang dihasilkan oleh Arab Muḥammad) ini masih tersimpan di Perpustakaan Vatican (Vatican Library) dalam bentuk manuscript (Vat. gr 681). Ianya dibahagikan kepada 30 bab yang mengandungi rekod perbincangan yang berbeza. Menurut Houry, Niketas menulis kritikan ke atas al-Qur’ān ini bukanlah berdasarkan pengetahuan beliau dengan bahasa Arab tetapi merujuk kepada terjemahan al-Qur’ān yang sudah wujud di zaman beliau.⁵⁰ Bermula dari bab yang kedua daripada buku beliau, Niketas mula memberikan olahan terhadap surah-surah daripada al-Qur’ān bermula dari surah Q2 (al-Baqarah) hingga Q18 (al-Kahfi).

tēs hypogegrammenēs anatropēs tēs para tou Arabos Mōamet plastographētheisēs biblou,” in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017; Monalis Ulbricht, *The First Translation of the Quran and Its Use in the Anti-Islamic work of Nicetas of Byzantium: An Analysis of the Greek Quran Fragments and Commentary on Nicetas @Refutation of the Quran (Vat. Gr. 681)*, PhD Abstract, (Berlin: Freie Universität Berlin, 2012), 1-5/6.

⁵⁰ A.T. Houry, *Les théologiens byzantins et l’islam*, (Louvain/Paris, 1969)

Bobzin menyenaraikan beberapa kritikan yang dinyatakan oleh Niketas di dalam karya beliau ini. Antaranya ialah:

- i. Al-Qur'ān adalah karya yang tidak munasabah (unreasonable), tidak sistematik, hasil kerja yang bercelaru, dipenuhi dengan tipu daya, cerita dongeng serta percanggahan fakta.
- ii. Bahasa yang digunakan di dalam al-Qur'ān bukanlah bahasa seorang Nabi, bahkan ianya tidak menampilkan martabat sebagai sebuah kitab agama.
- iii. Niketas memberikan penafsiran semula kalimah al-Šamad (salah satu daripada nama dan sifat Allah). Menggunakan sumber yang ada dalam bahasa Greek, beliau menafsirkan perkataan al-Šamad sebagai *holosphyros* (sesuatu yang padat/*compact*).⁵¹ Penafsiran seperti ini sekaligus meletakkan Allah sebagai sesuatu yang bersifat material, fahaman yang sangat bercanggah dengan aqidah Islam.

Karya Niketas ini telah memberikan impak yang besar terhadap kajian Byzantium tentang Islam pada zaman selepasnya. Kajian yang dihasilkan oleh pengkaji Greek seperti Euthymius Zygabenus and Nicetas Choniates telah menjadikan tulisan Niketas sebagai rujukan utama tentang Islam. Karya Niketas ini juga telah membuktikan kewujudan terjemahan al-Qur'ān dalam bahasa Greek seawal kurun ke 9 ini.

10. Nonnus (Nānā) of Nisibis (d. 246/860)

Nonnus adalah ahli teologi Kristian Syria yang juga menguruskan hal ehwal Kristian di Nisibis. Menurut Abū Ya'qūb al-Qirqisānī (10th c.) (seorang ahli falsafah Yahudi). Nonnus juga adalah seorang doktor (physician by training) dan ahli falsafah yang menerima penghormatan yang tinggi dikalangan penganut Kristian. Malah, seorang penganut Yahudi yang terkenal iaitu Dāwūd ibn Marwān al-Muqammaš, dikatakan meninggalkan agaman Yahudi untuk memeluk agama Kristian dikatakan dibawah pengaruh Nonnus.⁵²

Nonnus, Abū Rā'īta, dan Theodore Abū Qurrah adalah antara penutur bahasa Syriac yang mampu dan fasih menulis di dalam bahasa Arab. Nonnus dikatakan menulis tafir (commentary) berhubung Gospel of John di dalam bahasa Arab. Berhubung perbahasan beliau tentang agama Islam, Nonnus

menulis sebuah karya yang diterjemahkan sebagai *The Apologetic Treatise of Nonnus of Nisibis*. Menurut Block, karya ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu yang pertama (1) Perbahasan berhubung kewujudan Tuhan, (2) perbincangan berhubung *trinitarian monotheism*, dan yang ketiga (3) perbincangan berkenaan konsep *incarnation* (penjelamaan).

Nonnus di dalam karyanya tidak secara terus mengkritik Rasulullah atau al-Qur'ān. Beberapa pengkaji walaubagaimanapun percaya Nonnus mempunyai maklumat tentang al-Qur'ān dan memetik dan mengkritik beberapa konsep di dalam al-Qur'ān. Sebagai contoh, gambaran syurga yang digambarkan di dalam al-Qur'ān sebagai taman yang mempunyai sungai serta kemewahan dunia telah menjadi titik kritikan Nonnus terhadap konsep ini. Menurut Nonnus, janji berhubung kehidupan selepas mati seperti ini hanyalah janji yang mudah sedangkan Gospel menurut beliau menjanjikan kehidupan selepas mati yang lebih baik dengan menumpukan segalanya hanya untuk Christ dan bukan janji syurga seperti yang dipersembahkan. Menurut Block, kenyataan Nonnus ini seolah merujuk kepada pengetahuan beliau tentang al-Qur'ān seperti ayat Q9:72 dan 44:51-56.

Dalam perbahasan berhubung konsep Trinity, Nonnus juga kelihatan seperti menggunakan maklumat daripada al-Qur'ān yang dikatakan pernah menyebut tentang konsep Trinity di dalam al-Qur'ān. Ini seolah merujuk kepada ayat 4:171 yang biasa digunakan oleh penganut Kristian sebagai hujah mereka mempertahankan konsep Trinity. Selain itu, Nonnus juga dilihat sebagai memahami Islam sebagai sebahagian dari penyembah berhala (pagan). Ini jelas di dalam karyanya yang menggunakan lafaz *d-hāshā hanpē* (penyembah berhala zaman kini). Sebahagian Orientalis percaya bahawa melalui lafaz *hanpē* inilah timbulnya lafaz *hanifiyya* gelaran bagi Muslim yang mengikut agama Nabi Ibrahim.

ANALISIS DAN DISKUSI

Perdebatan teologi dalam kurun yang terawal ini telah pun direkodkan oleh sarjana Muslim dan juga non Muslim. Azmi, sebagai contoh menjalankan

⁵¹ Bobzin, Hartmut, "Pre-1800 Preoccupations of Qur'ānic Studies", in *Encyclopaedia of the Qur'ān*, ed. Jane Dammen McAuliffe, (Leiden: Brill, 2004), 238; Corrie Block, *The Qur'ān in Christian-Muslim Dialogue: Historical and Modern Interpretations*, (Oxon; Routledge, 2014), 203.

⁵² G.B. Teule, Herman, "Nonnus (Nunā) of Nisibis", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 13 April 2017.

penyelidikan terhadap Ibn Rabban, bekas penganut Kristian yang menghasilkan karya dalam mempertahankan kerasulan Muhammad.⁵³ Analisis yang dijalankan oleh Nusairah et. al. mencadangkan tiga punca bagaimana berlakunya pertembungan perbahasan teologi ini.⁵⁴ Dalam kajian ini pula, pengkaji melalui penelitian terhadap karya-karya non Muslim di atas mengesahkan, terdapat beberapa tema serta corak kritikan yang biasa digunakan oleh pengkritik yang terawal daripada zaman Umawiyah dan Abbasiyyah. Tema dan corak kritikan ini akhirnya menjadi satu garis panduan dan kerangka asas (framework) bagi pengkritik moden. Berikut adalah senarai tema dan corak kritikan yang digunakan oleh kumpulan pengkritik ini terhadap Rasulullah dan al-Qur'an:

- 1- Rasulullah adalah Nabi palsu.
- 2- Rasulullah adalah lelaki yang tidak bermoral.
3. Al-Quran bukanlah wahyu.
4. Kandungan al-Quran meragukan. Malah isinya menyalahi konsep kitab suci.

Pembentukan Kerangka Asas (framework) bagi Kritikan Moden

Melalui penelitian terhadap tema serta corak kritikan non Muslim terhadap Rasulullah dan al-Quran, satu perbandingan awal telah dibuat terhadap beberapa buku karangan orientalis zaman moden.⁵⁵ Dapatan awal mendapati bahawa, kritikan yang dihasilkan oleh generasi zaman Umawiyah dan Abbasiyyah ini telah menjadi titik permulaan kepada pembentukan kerangka (framework) yang lebih sistematik dalam kritikan mereka terhadap al-Quran dan hadith. Nama-nama pengkritik yang terawal ini akan disebut semula, seolah mereka menjadi rujukan asas dalam penelitian orientalis terhadap sumber perundangan Islam ini. Sebagai contoh Judeth Karen dan Yehuda Nevo menggunakan semula penulisan John of Damascus sebagai bukti bahawa al-Quran masih belum dikanunkan (canonised) sebagai kitab rujukan utama Muslim pada kurun ke 8.⁵⁶ Mereka seolah cuba menunjukkan bahawa penulisan al-Quran berlaku lewat, dan bukan pada zaman Rasulullah maupun sahabat. Manakala karya 'Abd al-Masīh al-Kindī pula juga dirujuk semula dalam perbahasan orientalis

berhubung isu asal-usul penulisan al-Quran. Dalam perkara ini Ibn Warraq mengutarakan pandangan 'Abd al-Masīh al-Kindī seolah al-Quran ini adalah hasil karangan dari penulis yang pelbagai, fakta yang bercampur-baur serta percanggahan maklumat.⁵⁷ Melalui analisis di atas juga, jelas terdapat enam tema utama yang menjadi topik perbahasan serta kritikan non Muslim terhadap Rasulullah dan al-Quran. Tema ini telah menjadi kerangka asas yang kemudiannya dikembangkan oleh orientalis dalam kajian mereka pada hari ini. Dengan penggunaan metode yang lebih terkini serta penelitian yang semakin berkembang terhadap agama Islam, tema kritikan ini bukan sahaja ditambah dengan ruang tema yang baru malah bukti serta perincian kritikan yang datang pada zaman moden ini diperkemas dengan hujah yang lebih baru. Penggunaan teknologi seperti *carbon dating*, pengumpulan bukti arkeologi serta kajian *numismatic* adalah antara bukti baharu yang diketengahkan oleh mereka selain dari konsep asal mereka yang kritis dalam penerimaan fakta sejarah (*historical critical methodology*).

REFERENCES

1. Al-Dhahabi. (2006). *Siyar A'lam al-Nubala*, al-Qahira: Dar al-Hadith.
2. Azmi, A. S., Nor, Z. M., Sobali, A. M., Ismail, M. Y., & Halim, A. A. (2017). From Christianity to Islam: An Analysis of Ibn Rabban's Approach towards Sira Nabawiyya 1. *International Journal of Islamic Thought*, 11, 1.
3. Azmi, A. S. (2016). The Intricate Labyrinth Of Qur'anic References In Sirah Nabawiyyah: An Overview Of The Orientalist Works. *Journal Of Hadith Studies*, 1(1).
4. Azmi, A. S. (2012). Dakwaan Orientalis Terhadap Pengaruh Kristian Dalam Al-Quran: Satu Penelitian. *Jurnal Darul Quran*, 16, 141-151.
5. Beaumont, Mark, "'Ammār al-Baṣrī", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017.
6. Block, Corrie. (2011). *Expanding the Qur'anic Bridge: Historical and Modern Interpretations of the Qur'an in Christian-Muslim Dialogue with Special Attention Paid to Ecumenical Trends*, PhD Thesis. Exeter: University of Exeter.
7. Bobzin, Hartmut. (2004). "Pre-1800 Preoccupations of Qur'anic Studies", in *Encyclopaedia of the Qur'an*, ed. Jane Dammen McAuliffe. Leiden: Brill.
8. Bottini, Laura. "al-Kindī, 'Abd al-Masīh ibn Ishāq (pseudonym)", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017.
9. Bottini, Laura, "Risālat 'Abdallāh ibn Ismā'īl al-Hāshimī ilā 'Abd al-Masīh ibn Ishāq al-Kindī yad'ūhu bihā ilā l-Islām wa-risālat al-Kindī ilā l-Hāshimī yaruddu bihā 'alayhi wa-yad'ūhu ilā l-Naṣrāniyya", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 18 March 2017.

⁵³ Azmi, Ahmad Sanusi. 2017. "From Christianity To Islam: An Analysis Of Ibn Rabban's Approach Towards Sira Nabawiyya", *International Journal of Islamic Thought*, v.11, UKM Press, 1-5.

⁵⁴ Ramli, Nusairah, Azmi, A. Sanusi, Hussein, A.R.O, *Polemic Works Of Theologians In Abbasid Time*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Agama dan Masyarakat II 2017.

⁵⁵ Lihat, Azmi, Ahmad Sanusi. "The Intricate Labyrinth of Qur'anic References in Sirah Nabawiyyah," *Journal of Hadith Studies*, Nilai: Ulūm Ḥadīth Research Centre, 2016. vol.1, 1-6.

⁵⁶ Karen, J, Nevo, Yehuda, "Methodological Approaches to Islamic Studies" in ed. Ibn Warraq, *The Quest for Historical Muhammad*, New York: Prometheus Books, 2000), p.433.

⁵⁷ Ibn Warraq, *The Origin of the Koran*, (New York: Prometheus Books, 1998), pp.17-18.



10. David Thomas. (2007). *The Bible in Arab Christianity*, Brill: Leiden.
11. Donner, Fred. (2007). The historical context, di dalam *The Cambridge Companion to the Quran*, ed. Jane McAuliffe, Cambridge: Cambridge University Press.
12. G.B. Teule, Herman, "Nonnus (Nunā) of Nisibis", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas.
13. Gilliot, Claude. (2007). 'Creation of a fixed text', di dalam *The Cambridge Companion to the Quran*, ed. Jane McAuliffe, Cambridge: Cambridge University Press.
14. Glei, Reinhold F., "Johannes Damascenus", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 28 March 2017.
15. Greenwood, Tim, "Correspondence between 'Umar II and Leo III", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017.
16. Griffith, Sidney H., "'Ammār al-Baṣīr'", in *Encyclopaedia of Islam, THREE*, ed. Kate Fleet, et. al., Consulted online on 28 March 2017.
17. Ibn Hajr. 1415H. *al-Isaba fi Tamyiz al-Sahaba*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
18. Ibn Warraq. (1998). *The Origin of the Koran*, (New York: Prometheus Books.
19. Karen, J, Nevo, Yehuda. (2000). "Methodological Approaches to Islamic Studies" in ed. Ibn Warraq, *The Quest for Historical Muhammad*. New York: Prometheus Books.
20. Keating, S.T, "Ḥabīb ibn Khidma Abū Rā'īta l-Takrīrī", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017 First published online: 2010.
21. Keating, S.T., "Risāla li-Abī Rā'īta l-Takrīrī fī ithbāt dīn al-naṣrāniyya wa-ithbāt al-Thālūth al-muqaddas", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 28 March 2017. First published online: 2010.
22. Khoury, A.T. (1969). *Les théologiens byzantins et l'islam*, Louvain/Paris.
23. Masters, Bruce. n.d. *Christians and Jews in the Ottoman Arab World: The Roots of Sectarianism*. Cambridge: Cambridge University Press.
24. Mir, Mustansir. (2006). 'Language', *The Blackwell Companion to the Quran*, ed. Andrew Rippin, .Oxford: Blackwell Publishing, 2006. 105.
25. Monalis Ulbricht. (2012) *The First Translation of the Quran and Its Use in th Anti-Islamic work of Nicetas of Byzantium: An Analysis of the Greek Quran Fragments and Commentary on Nicetas @Refutation of the Quran (Vat. Gr. 681)*, PhD Abstract, (Berlin: Freie Universität Berlin), 1-5/6.
26. Ramli, Nusairah, Azmi, Ahmad Sanusi, Hussein, Abd Rahman.Obeid, *Polemic Works Of Theologians In Abbasid Time*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Agama dan Masyarakat II 2017.
27. Rigo, Antonio, "Nicetas Byzantios, Nicetas of Byzantium," in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017;
28. Rigo, Antonio, "Nikēta Byzantinou philosophou programma tēs hypogegrammenēs anatropēs tēs para tou Arabos Mōamet plastographētheisēs biblou," in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017.
29. Sahas, D.J. (1972). *John of Damascus on Islam. The "Heresy of the Ishmaelites"*. Leiden: Brill..
30. Swanson, Mark, "The untitled text is in the form of a letter, and begins, after a Trinitarian invocation, 'Min Aliyūn malik al-Rūm ilā 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz, amīr al-mu'minīn: Salām',", in: *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017.
31. Swanson, Mark, "Tafnīd al-Qur'ān", in *Christian-Muslim Relations 600 - 1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 01 April 2017.
32. Swanson, Marc, Beyond Proof-texting: Approaches To The Quinan In Some Early Arabic Christian Apologies, *The Muslim World*, Vol. LXXXVIII, No. 3-4 July-October, 1998, 297-319.
33. Tolan, John, "Eulogius of Cordova = Eulógio of Córdoba = Eulógio of Toledo", in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017.
34. Tolan, John, "Liber apologeticus martyrum", in *Christian-Muslim Relations 600-1500*, ed. David Thomas. Consulted online on 23 March 2017; Tolan, John, "Istoria de Mahomet", in: *Christian-Muslim Relations 600-1500*, General Editor David Thomas. Consulted online on 23 March 2017.
35. Troupeau, G.. 2017. "al-Kindī, 'Abd al-Masīh", in *Encyclopaedia of Islam, Second Edition*, ed. P. Bearman, et. al. Leiden: Brill..